

**JEREBU MELANDA LAGI****Sambutan Hari Sukan Negara tetap diteruskan: Khairy**

**NILAI** - Sambutan Hari Sukan Negara seluruh negara pada 10 Oktober ini tetap diteruskan, bagaimanapun penganjuran di kawasan yang mempunyai Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat akan dibatalkan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin bagaimanapun berkata, keputusan muktamad berhubung perkara itu akan diserahkan kepada penganjur di tempat masing-masing berpandukan garis panduan dikeluarkan Institut Sukan Negara (ISN), Selasa ini.

Beliau berkata, bacaan IPU di setiap kawasan seluruh negara adalah berbeza dan tidak adil sekiranya acara dibatal-

kan di kawasan mempunyai IPU baik.

"Jika di sini mencatatkan tidak sihat, di kawasan lain mungkin di tahap baik.

"Kita mengambil contoh semalam (kelmarin), keadaan jerebu teruk di Lembah Klang tetapi di Sabah adalah cerah.

"Jadi adalah tidak tepat jika saya mengambil kira bacaan sesuatu kawasan sahaja atau mengambil kira bacaan IPU lebih 150, Hari Sukan Negara dibatalkan seluruh Malaysia. Sedangkan ada di sesetengah kawasan berada di tahap yang baik," katanya selepas merasmikan program FitUni di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di sini, semalam.

Khairy berkata, pihaknya menyerahkan kepada penganjur program untuk menentukan sama ada sambutan Hari Sukan Negeri di kawasan mereka sesuai diteruskan atau perlu dibatalkan.

Sementara itu, lebih 1,000 mahasiswa dan kakitangan Usim menghadiri program di Usim yang bermula pada jam 8.30 pagi.

Bagaimanapun, aktiviti senaman diarturkan terpaksa dibatalkan berikutan jerebu di Nilai mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu 198 pada waktu pagi.

Turut hadir, Naib Canselor Usim, Prof Dato Dr. Musa Ahmad.



Khairy (tengah) bersama peserta yang menyertai program FitUni di Usim, semalam.